

# Kampus tetap UMS mampu menampung 10,000 pelajar

Oleh LIAW SIN KUANG

**KOTA KINABALU,** Isnin - Kampus tetap Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bernilai RM980 juta di Teluk Sepanggar mampu menampung lebih 10,000 pelajar apabila siap sepenuhnya pada tahun 2004.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melakukan upacara pecah tanah kampus tetap itu, pagi esok.

Kampus yang akan dibina di atas tanah seluas 909 ekar itu merupakan projek awam terbesar yang pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Sabah dalam satu-satu masa.

Naib Canselor UMS, Prof. Dato' Dr. Abu Hassan Othman berkata, kampus itu akan dilengkapi dengan kemudahan "state-of-the-art" mengambil kira kemajuan teknologi maklumat, keselesaan, keterbukaan dan unsur-unsur keagamaan yang tinggi.

Katanya, fasa pertama kampus tetap UMS melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran, perpustakaan, masjid besar dan lima sekolah (fakulti) dijangka siap pada tahun 1998.

Sekolah itu ialah Sekolah Sains Sosial, Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Makanan dan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial.

"Ini bermakna Konvensyen Pertama UMS pada tahun 1999 akan dapat diadakan di kampus tetap ini", katanya.

Beliau berkata, fasa kedua pembinaan kampus itu meliputi lima buah sekolah iaitu Sekolah Makanan dan Pemakanan, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Sekolah Komunikasi dan Kesenian, Sekolah Pengurusan Industri dan Sekolah Perubatan dijang-

ka siap menjelang tahun 2004.

Dr. Abu Hassan berkata, sekolah-sekolah yang ditubuhkan adalah "market driven" dan juga mengutamakan pembentukan mahasiswa yang berilmu, berketrampilan dan seimbang dari segi intelek emosi dan etika diri.

UMS ditubuhkan pada 24 November 1994 atas kesedaran dan janji Kerajaan Barisan Nasional (BN) peringkat Persekutuan dan Negeri untuk menubuhkan sebuah universiti di Sabah.

Universiti itu berjaya memulakan sesi pengajian Doktor Falsafah, Sarjana, Ijazah Pertama dan Kursus Matrikulasi pada 7 Julai tahun ini.

Seramai lima pelajar PhD dan 19 pelajar sarjana telah mendaftar dan seramai 206 pelajar ijazah pertama juga mendaftar untuk mengikuti program di tiga sekolah iaitu Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Sekolah Sains Sosial dan Sekolah Sains dan Teknologi.

Di samping itu, seramai 199 orang pelajar matrikulasi telah mengikuti program itu di tiga buah pusat.

Pada masa ini UMS hanya menyewa bangunan Kolej Komuniti Yayasan Sabah (KKYS) di Teluk Likas untuk dijadikan kampus sementara.

Dr. Abu Hassan berkata, pihaknya dengan bantuan agensi-agensi kerajaan pusat dan negeri juga telah menyiapkan Pelan Induk Kampus Tetap UMS yang modelnya akan dipamerkan pada hari upacara pecah tanah.

Beliau menarik perhatian, pada tahun depan UMS akan mengambil alih kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Menggatal untuk digunakan sebagai Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi.